

04 Jun 2020

NUR RAFIDAH BINTI OTHMAN

NO.141, LORONG 12B1, TAMAN DESA ILMU, KOTA

SAMARAHAN, KOTA SAMARAHAN

SARAWAK

No Matrik : A2000801

Saudara/saudari

**Tawaran Kemasukan Ke Program Asasi Sains, Universiti Malaysia Sarawak Sesi 2020/2021**

Tahniah!

Saudara/saudari adalah ditawarkan tempat untuk mengikuti pengajian peringkat Program Asasi Sains di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi

**Program** : ASASI SAINS HAYAT (UW0010001)

**Tempoh** : Satu (1) Tahun

**Pusat** : Pusat Pengajian Pra-Universiti

Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dilampirkan.

Saudara/saudari adalah dipohon untuk membuat pengesahan penerimaan tawaran di pautan berikut:

<https://asasi.unimas.my/PPUeDaftar> mulai **4 Jun 2020 jam 12:00 tengah hari sehingga 8 Jun 2020**. Saudara/saudari diwajibkan untuk memberi alasan sekiranya menolak tawaran ini di laman sesawang yang dinyatakan di atas

Sekiranya saudara/saudari bersetuju menerima tawaran ini, saudara/saudari dikehendaki untuk membuat pendaftaran pelajar secara atas talian (eDaftar) di pautan berikut: <https://asasi.unimas.my/PPUeDaftar> mulai **15 Jun 2020** jam 12:00 tengah hari hingga **13 Julai 2020**

Saudara/saudari dikehendaki melakukan pendaftaran kolej kediaman secara atas talian pada **19 Julai 2020** melalui pautan yang akan dimaklumkan kemudian di media sosial rasmi Pusat Pengajian PraUniversiti.

Minggu Aluan Pelajar (MAP) secara maya adalah pada 20 Julai 2020 hingga 25 Julai 2020. Jadual MAP akan dihebahkan melalui platform media sosial rasmi Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari adalah digalakkan untuk menyertai platform media sosial rasmi Pusat Pengajian PraUniversiti seperti berikut:

i- Facebook: <https://www.facebook.com/praunimas>

ii- Telegram: <https://t.me/pppuofficial2021>

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian 082-582331 / 2479 / 2294 / 2480 dan nombor faks 082-582330.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tuan Haji Azlan bin Ramli

**Pendaftar**

\*\*Surat tawaran ini bukan merupakan surat tawaran rasmi dan hanya boleh digunakan sebagai rujukan sahaja.

\*\*Surat ini dijana oleh komputer, oleh itu tandatangan tidak diperlukan.

**SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN  
KE PROGRAM ASASI SAINS  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
SESI AKADEMIK 2020/2021**

**Tawaran ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-**

1. Saudara/saudari dikehendaki membuat pengesahan penerimaan tawaran antara 4 Jun 2020 – 8 Jun 2020. Tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya jika saudara/saudari tidak membuat pengesahan dalam tempoh yang tersebut.
2. Sekiranya saudara/saudari bersetuju menerima tawaran ini, saudara/saudari diminta membuat pendaftaran pelajar secara atas talian (eDaftar) di pautan berikut: <https://asasi.unimas.my/PPUeDaftar> mulai 15 Jun 2020 jam 12:00 tengah hari hingga 13 Julai 2020. Saudara/saudari diwajibkan untuk memberi alasan sekiranya menolak tawaran ini dalam laman sesawang di atas
3. Kelulusan pemeriksaan kesihatan daripada Pusat Kesihatan UNIMAS sahaja.
4. Tawaran ini hanya sah untuk kemasukan sesi akademik 2020/2021.
5. Sekiranya saudara/saudari menarik diri selepas pendaftaran, pembayaran balik yuran adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan UNIMAS yang sedia ada.
6. Calon-calon Program Asasi Sains UNIMAS boleh memohon bantuan kewangan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
7. Setiap calon hendaklah menyerahkan salinan slip gaji/penyata gaji terkini ibubapa/ penjaga ketika permohonan BKA. Sekiranya ibubapa/penjaga tidak mempunyai slip gaji/penyata gaji, sila isi Borang Pengesahan Pendapatan Bulanan Keluarga Pelajar yang disertakan di dalam
8. UNIMAS berhak menarik balik tawaran kemasukan ini atau menamatkan pengajian saudara/saudari dengan serta merta sekiranya saudara/saudari didapati memberi maklumat palsu.
9. Saudara/saudari dikehendaki membaca dan memahami Panduan Pendaftaran (eDaftar) sesi 2019/2020, mengisi borang-borang yang dilampirkan serta mengambil tindakan selanjutnya seperti yang diarahkan.
10. Saudara/saudari diwajibkan untuk menandatangani Surat AkuJanji Pelajar yang disertakan. Saudara-saudari pada setiap masa adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan serta pindaan yang berkuatkuasa dan diterima pakai di Universiti Malaysia Sarawak.
11. **Pelajar yang mengikuti Program Asasi Sains di UNIMAS adalah tidak dibenarkan untuk memohon ke Universiti Awam (UA) lain selepas menamatkan pengajian asasi di UNIMAS.**